

Amaran jingga

KUALA LUMPUR: Penduduk di beberapa daerah di Kelantan, Terengganu dan Pahang dinasihatkan mengambil langkah berjaga-jaga ekoran amaran hujan lebat peringkat jingga yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), semalam.

Menurut JMM, hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat di beberapa jajahan di Kelantan seperti Tumpat, Pasir Mas, Machang, Kota

Bharu, Bachok dan Pasir Puteh serta di beberapa daerah di Terengganu seperti Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman, dijangka berterusan sehingga hari ini.

Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat di Kuantan, Pekan dan Rompin di Pahang juga dijangka berterusan sehingga Rabu ini dan menyebabkan banjir di kawasan rendah.